













## SENARAI ASET MARITIM MALAYSIA

<b>KELAS LANGKAWI</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>Kapal Kelas LANGKAWI adalah kapal jenis Ronda Persisir Pantai (OPV) yang telah memasuki perkhidmatan TLDM pada tahun 1987. Kapal tersebut telah berkhidmat selama 19 tahun di dalam TLDM. Kapal telah dilucut tauliah pada 23 Jun 06 dengan penuh istiadat TLDM seterusnya diserahkan kepada APMM pada tarikh yang sama. Kapal telah belayar ke Limbungan MMHE Pasir Gudang untuk dibaik pulih. Mula memasuki perkhidmatan APMM pada awal 2008 dan diletakkan dibawah pengawasan WILTIM, walau bagaimanapun penugasan kapal dikendalikan oleh Pusat Kawalan Maritim di Ibu Pejabat PUTRAJAYA. Menggunakan nama pulau besar yang bersepadan dengan negara jiran.</p>
<b>KELAS MARLIN</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>KM MARLIN merupakan sebuah Kapal Latihan yang telah dihadiahkan oleh The Nippon Foundation Jepun kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Kapal telah dilancarkan pada 30 Jan 2006 dan telah siap pembinaannya pada mac 2006. Seramai 10 anggota APMM telah ditugaskan untuk membawa balik kapal tersebut ke Malaysia. Kapal telah belayar dari Naha, Jepun pada 4 April 2006 dan tiba di Pelabuhan Klang 14 Apri 2006. Upacara penamaan dan penerimaan KM MARLIN telah diadakan di Pusat Hidrografi Nasional pada 1 Jun 2006 dengan disempurnakan oleh Datin Rosmah binti Mansor isteri kepada Timbalan Perdana Menteri. KM MARLIN diletakan dibawah pengawasan pusat Latihan APMM yang berpangkalan di Kuantan, Pahang.</p>
<b>KELAS GAGAH</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>Kapal Kelas GAGAH (ex PZ) merupakan kapal peronda kelas PZ yang telah memasuki perkhidmatam Pasukan Polis Marin pada tahun 1980. Kapal tersebut telah berkhidmat selama 26 tahun di dalam Pasukan Polis Marin. Kapal telah diserahkan kepada APMM secara berperingkat mula pada Jun 2005 hingga Jun 2006. 15 buah PZ telah diserahkan dan telah mula beroperasi pada Nov 2005. Kapal Kelas GAGAH menggunakan nama sifat kepimpinan.</p>
<b>KELAS SIPADAN</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>Kelas SIPADAN (ex PC) merupakan kapal peronda yang telah memasuki perkhidmatam TLDM pada tahun mulai tahun 1964 hingga tahun 1968. Kapal tersebut telah berkhidmat selama 42 tahun didalam TLDM. Kapal telah diserahkan kepada APMM secara berperingkat mula pada Jun 2005 hingga Jun 2006. 15 buah PC telah diserahkan dan telah mula beroperasi pada Nov 2005. Kapal Kelas SIPADAN menggunakan nama pulau-pulau kecil yang terdapat diperairan negara.</p>
<b>KELAS RAMUNIA</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>Kapal Kelas RAMUNIA (ex BAHTERA) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan KASTAM pada tahun 1983. Setelah berkhidmat selama 23 tahun didalam perkhidmatan KASTAM dan pada Jun 2005 sebanyak 5 buah kapal kelas BAHTERA telah diserah kepada APMM. Pada tahun 2006 bermulalah era baru bagi kapal kelas RAMUNIA (ex BAHTERA) berkhidmat didalam perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Kapal Kelas RAMUNIA menggunakan nama teluk yang terdapat diperairan negara.</p>

<b>KELAS RHU</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>Kapal Kelas RHU (ex SIRI 200) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan Jabatan Perikanan pada awal tahun 1990. Ditugaskan untuk membuat pemantauan kepada nelayan-nelayan tempatan laut dalam. Setelah berkhidmat selama 16 tahun didalam perkhidmatan Jabatan Perikanan pada bulan Jun 2006, kapal tersebut telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kapal Kelas RHU menggunakan nama tanjung.</p>
<b>KELAS MALAWALI</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>Kapal Kelas MALAWALI (ex BINTANG) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan Jabatan Laut pada awal tahun 1999. Setelah berkhidmat selama 8 tahun didalam perkhidmatan Jabatan Laut dan pada April 2006 sebanyak 4 buah kapal kelas BINTANG telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Pada tahun 2006 bermulalah era baru bagi kapal kelas MALAWALI (ex BINTANG) berkhidmat didalam perkhidmatan APMM. Kapal Kelas MALAWALI menggunakan nama selat dan terusan.</p>
<b>KELAS TUGAU</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>Kapal Kelas TUGAU (ex - PA) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan PDRM hampir 10 tahun. Pada 2011 sebanyak 15 buah kapal kelas TUGAU telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Pada tahun 2011 bermulalah era baru bagi kapal kelas TUGAU (ex PA) berkhidmat didalam perkhidmatan APMM. Kapal Kelas TUGAU menggunakan nama terumbu.</p>
<b>KELAS NUSA</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>Kapal Kelas NUSA (ex RAJAWALI) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan Jabatan Laut pada awal tahun 1993. Setelah berkhidmat selama 15 tahun didalam perkhidmatan Jabatan Laut dan pada April 2006 sebanyak 2 buah kapal kelas RAJAWALI telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Pada tahun 2006 bermulalah era baru bagi kapal kelas NUSA (ex RAJAWALI) berkhidmat didalam perkhidmatan APMM. Kapal Kelas NUSA menggunakan nama terumbu.</p>
<b>KELAS SEMILANG</b>	
	<p><b><u>Sejarah Kapal</u></b></p> <p>Kapal Kelas SEMBILANG (ex SIRI 100) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan Jabatan Perikanan pada awal tahun 1986. Ditugaskan untuk membuat pemantauan kepada nelayan-nelayan tempatan laut dalam. Setelah berkhidmat selama 20 tahun didalam perkhidmatan Jabatan Perikanan pada bulan Jun 2006, kapal tersebut telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kapal Kelas SEMBILANG menggunakan nama ikan.</p>
<b>KELAS PENINJAU</b>	
	<p><b><u>Sejarah Bot</u></b></p> <p>Bot Kelas PENINJAU (ex SIRI 300) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan Jabatan Perikanan pada awal tahun 1990. Ditugaskan untuk membuat pemantauan kepada nelayan-nelayan tempatan persisir pantai dan sangkar-sangkar ikan yang dibina di pantai negara. Setelah berkhidmat selama 16 tahun didalam perkhidmatan Jabatan Perikanan pada bulan Jun 2006, Bot tersebut telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).</p>

<b>KELAS PENYELAMAT</b>	
	<p><b><u>Sejarah Bot</u></b></p> <p>Bot Kelas PENYELAMAT (ex SAR) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan Jabatan Laut pada awal tahun 1998. Ditugaskan untuk operasi mencari dan menyelamat serta memberi bantuan kecemasan sekiranya berlaku bencana di Laut. Setelah berkhidmat selama 9 tahun didalam perkhidmatan Jabatan Laut, pada bulan Jan 2006 sebanyak 4 buah bot ex SAR telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).</p>
<b>KELAS PENGAWAL</b>	
	<p><b><u>Sejarah Bot</u></b></p> <p>Bot Kelas PENGAWAL (ex GRP) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan Jabatan Laut pada awal tahun 1999. Ditugaskan untuk membuat pemantauan sekitar perairan negara dan penandaan laluan kapal-kapal diperairan negara. Setelah berkhidmat selama 8 tahun didalam perkhidmatan Jabatan Laut pada bulan Jan 2006 sebanyak 10 buah bot ex GRP telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).</p>
<b>KELAS PENGGALANG</b>	
	<p><b><u>Sejarah Bot</u></b></p> <p>Bot Kelas PENGGALANG dibina oleh Destination Marine Services Sdn Bhd di Pelabuhan Klang. APMM telah membuat tempahan sebanyak 2 buah untuk digunakan sebagai bot pemintas dan operasi-operasi khas yang memerlukan kepantasan untuk tiba ke tempat yang dikehendaki. Penyerahan bot telah dilakukan pada 10 Sep 2007 dan telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah APMM Dato' Mohammad bin Nik. Bot diletakan dibawah pengawasan WILSEL iaitu PENGGALANG 1 ditempatkan di DM4 (Pelabuhan Klang) dan PENGGALANG 2 ditempatkan di DM6 (Johor Bharu) untuk pengoperasian.</p>
<b>KELAS PETIR</b>	
	<p><b><u>Sejarah Bot</u></b></p> <p>Bot Kelas PETIR atas sumbangan TELEKOM MALAYSIA sebanyak dua buah manakala lapan buah lagi telah dibina di dmc batu pahat. Mula beroperasi pada tahun 2010 selepas diserahkan kepada APMM.</p>
<b>KELAS KILAT</b>	
	<p><b><u>Sejarah Bot</u></b></p> <p>Bot KILAT (RHIB) telah dibina oleh MSET Shipbulding, Terengganu. Bot KILAT dibina dalam 2 katogeri iaitu Open Type dan Semi Carbin . APMM telah membuat tempahan sebanyak 38 buah( 25 Semi Carbin dan 13 Open Type). Bot ditugaskan di dalam operasi-operasi khas Agensi yang memerlukan kepantasan untuk tiba ket tempat yang dikehendaki. Bot tersebut telah diserahkan kepada APMM secara berperingkat-peringkat mula Jan 2006. Kesemua Wilayah telah dipertanggungjawabkan untuk pengoperasian Bot KILAT.</p>
<b>KELAS PELINDUNG</b>	
	<p><b><u>Sejarah Bot</u></b></p> <p>Bot Kelas PELINDUNG (ex OBM) telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan Jabatan Perikanan pada awal tahun 1982. Ditugaskan untuk operasi mengawal dan melindungi taman-taman laut dan sangkar-sangkar ikan disekitar perairan negara. Setelah berkhidmat selama 24 tahun didalam perkhidmatan Jabatan Perikanan pada bulan Jun 2006 sebanyak 5 buah bot ex OBM telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).</p>

<b>KELAS PENGAMAN</b>	
	<p><b><u>Sejarah Bot</u></b></p> <p>Bot Kelas PENGAMAN (ex AL) dikenali sebagai MASTURA telah mula berkhidmat didalam perkhidmatan Jabatan Laut pada awal tahun 1994. Ditugaskan untuk operasi mencari dan menyelamat serta memberi bantuan kecemasan sekiranya berlaku bencana di Laut. Setelah berkhidmat selama 17 tahun didalam perkhidmatan Jabatan Laut pada bulan Jun 2006 bot tersebut telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).</p>
<b>AS365 N3 DAUPHIN</b>	
	<p><b><u>Sejarah Pesawat</u></b></p> <p>APMM mempunyai tiga buah pesawat jenis ini iaitu M70-01 dan M70-03 yang diperolehi pada 06/8/2007 sementara M70-02 diperolehi pada 26/11/ 2007. Pesawat ini juga dilengkapi dengan peralatan seperti Radio Comms , GPS, Moving Map, Radar Altimeter, Emergency Locator Transmitter, AIS Transponder dan SAR Homing.</p>
<b>BOMBARDIER CL415 MP</b>	
	<p><b><u>Sejarah Pesawat</u></b></p> <p>Pesawat Pertama (M71-01) telah diserahkan kepada APMM pada 23/1/2009 manakala pesawat kedua telah diserahkan pada bulan Oktober 2009. Pesawat Bombardier ini berupaya untuk membantu dalam memadamkan kebakaran. Pesawat ini berupaya melawan kebakaran dengan kelajuan 150 kt 278 km/j.</p>